

D.R. 34/92

Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) (Pindaan) 1992. Tajuk ringkas.
2. Seksyen 2 Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 adalah dipinda dengan menggantikan takrif "Minister" dengan yang berikut: Pindaan seksyen 2. Akta 13/60

* "Minister" means the Minister charged with responsibility for the Development Authority except for the purpose of section 44 (1), it means the Minister charged with the responsibility in respect thereof if it is so notified by an order made by the Yang di-Pertuan Agong under the Ministerial Functions Act 1969;'. Act 2.

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda seksyen 2 Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 (kemudian daripada ini

disebut "Akta") dengan menggantikan takrif "Minister" dengan takrif baru. Takrif baru menjelaskan bahawa bagi maksud-maksud Akta pada keseluruhannya "Minister" merujuk kepada Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi Lembaga Kemajuan. Walau bagaimanapun, bagi maksud seksyen 44 (1) Akta yang sama, "Minister" ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab itu jika diberitahu sedemikian melalui perintah yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah Akta Tugas-Tugas Menteri 1969. Ini akan memberi kefleksibelan oleh kerana apabila tugas-tugas menteri disusun semula atau diubah, takrif "Minister" bagi maksud seksyen 44 (1) bolehlah ditafsirkan dengan sewajarnya dan tidak akan memerlukan apa-apa pindaan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1725.]